

Journal of Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah

Volume 21 No. 2 (2025)

ISSN: 1823-4356 | e-ISSN: 2637-0328

Homepage: <https://jmqqs.usim.edu.my/>



- Title : **Palestine in the Intellectual Discourse of 'Abd Al-Salām Yāsīn**
- Author (s) : Helimy Aris, Adnan Mohd Abdullah Shalash, Syed Najihuddin Syed Hassan, Muhammad Akmalludin Mohd Hamdan, Norhasnira Ibrahim, and Siti Mardhiyah Kamal Azhar
- Affiliation (s) : Universiti Sains Islam Malaysia
- DOI : <https://doi.org/10.33102/jmqqs.v21i2.549>
- History : Received: August 13, 2025; Revised: October 16 2025; Accepted: December 1, 2025; Published: December 30, 2025.
- Citation : Aris, H., Mohd Abdullah Shalash, A., Syed Hassan, S. N., Ibrahim, N., Kamal Azhar, S. M., & Akmaluddin Mohd Hamdan, M. Palestin Dalam Gagasan Pemikiran 'Abd Al-Salām Yāsīn: Palestine in the Intellectual Discourse of 'Abd Al-Salām Yāsīn. *Ma'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah*, 21(2). 359-375 <https://doi.org/10.33102/jmqqs.v21i2.549>
- Copyright : © The Authors
- Licensing :  This article is open access and is distributed under the terms of [Creative Commons Attribution 4.0 International License](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)
- Conflict of Interest : Author(s) declared no conflict of interest

Palestin dalam Gagasan Pemikiran ‘Abd Al-Salām Yāsīn

Palestine in the Intellectual Discourse of ‘Abd Al-Salām Yāsīn

Helimy Aris*

Adnan Mohd Abdullah Shalash

Syed Najihuddin Syed Hassan

Muhammad Akmalludin Mohd Hamdan

Norhasnira Ibrahim

Siti Mardhiyah Kamal Azhar

Faculty of Quranic and Sunnah Studies

Universiti Sains Islam Malaysia

Abstrak

‘Abd al-Salām Yāsīn (1928-2012) adalah seorang tokoh reformis dari Maghribi yang berusaha melahirkan masyarakat muslim yang mengamalkan Islam secara holistik berdasarkan panduan daripada al-Quran dan Sunnah. Dalam kajian ini, penulis berusaha memaparkan sisi pandang ‘Abd al-Salām Yāsīn terhadap isu-isu berkaitan Palestin dengan mengaplikasikan pendekatan analisis kandungan dan kajian perpustakaan. Terdapat sejumlah kajian mengenai topik ini tetapi semua atau kebanyakannya adalah dalam bahasa arab. Hal demikian menyebabkan idea-idea ‘Abd al-Salām Yāsīn seolah-olah tidak menembusi wacana dan perbincangan komuniti berbahasa Melayu, sedangkan ia baik untuk dijadikan panduan dan topik perbincangan khususnya bagi yang dahagakan wacana beralternatif Islam. Penelitian beliau terhadap kegiatan para reformis Islam terdahulu dan perkembangan dunia semasa, pembacaan yang baik terhadap karya-karya klasik Islam melalui penguasaan bahasa yang tinggi dan pengalaman panjang sebagai seorang aktivis sosial menghasilkan pandangan dan idea yang bernas dan seimbang terhadap isu-isu umat Islam. Hasil kajian menunjukkan wujud perkaitan antara pandangan ‘Abd al-Salām Yāsīn terhadap isu-isu seputar Palestin dan Teori Metod Nabawi yang diketengahkan oleh beliau melalui pelbagai platform. Ia juga menampakkan kesinambungan gagasan pemikiran antara tokoh-tokoh reformis Islam yang hidup bersama denyut nadi rakyat.

Kata kunci: ‘Abd al-Salām Yāsīn, Teori Metod Nabawi, isu Palestin, gerakan pembaharuan Islam, tokoh reformis, ideologi gerakan Islam.

* Correspondence concerning this article should be addressed to Helimy Aris, Universiti Sains Islam Malaysia at helimy@usim.edu.my

Abstract

‘Abd al-Salām Yāsīn (1928–2012) was a reformist thinker from Morocco who envisioned the establishment of a Muslim society grounded in a holistic practice of Islam, based on the Qur’an and the Sunnah. This study explores Yāsīn’s perspectives on the Palestinian issue through content analysis and library-based research methods. Although there are a number of studies on this topic, most—if not all—are written in Arabic. This linguistic barrier has contributed to a lack of engagement with his thought, despite its relevance for those seeking Islamic alternative discourses. Yāsīn’s deep engagement with the legacy of past Islamic reformists, his critical awareness of contemporary global realities, his mastery of classical Islamic texts, and his long-standing experience as a social activist have all contributed to a body of thought that is both nuanced and balanced. The findings of this study reveal a strong correlation between Yāsīn’s views on the Palestinian struggle and his theoretical framework known as the Theory of the Prophetic Method (Naẓarīyat al-Manhaj al-Nabawī), which he expounded across various platforms. His contributions reflect an intellectual continuity with other prominent Islamic reformers who remain connected to the lived experiences of the people.

Keywords: ‘Abd al-Salām Yāsīn, Prophetic Method Theory, Palestine issue, Islamic reform movements, reformist figures

Pendahuluan

Isu Palestin sentiasa menjadi agenda utama berita dunia dan topik yang hangat dalam setiap wacana di pelbagai platform daripada pelbagai lapisan masyarakat domestik dan antarabangsa. Perkembangan semasa tidak menunjukkan krisis yang melanda rantau Asia Barat tersebut akan mereda dalam masa terdekat. Pembebasan Palestin dan pembelaan rakyat Palestin menjadi semakin sensasi apabila ia melibatkan dua penganut agama yang paling kuat mempertahankan identiti mereka iaitu Islam dan Yahudi; satu bandar yang memiliki keistimewaan yang tersendiri bagi tiga agama samawi iaitu Baitul Maqdis selain kedudukan geografinya yang sangat strategik di tengah-tengah peta dunia. Palestin memiliki sejarah yang panjang melibatkan tamadun Rom, Parsi, Yahudi dan Islam.

Semenjak penjajahan Zionism ke atas Palestin pada tahun 1948, ia sentiasa menjadi agenda utama golongan reformis dan aktivis Islam. Ketulenan sesebuah gerakan dalam memperjuangkan nasib umat Islam sering dikaitkan dengan sejauh mana ia memperjuangkan nasib rakyat Palestin. Antara tokoh yang dilihat konsisten memperjuangkan isu Palestin melalui gerakan massa dan penulisan ialah ‘Abd al-Salām Yāsīn, seorang aktivis yang

bermula sebagai pendidik formal di negaranya Maghribi, seterusnya terlibat sebagai pegawai pentadbiran pendidikan, kemudian berkecimpung sepenuh masa sebagai penggerak massa melalui penubuhan *Jamā'at al-'Adl wa al-Ihsān* dan menerapkan idea pendidikan holistik berasaskan al-Quran dan Sunnah melalui *al-Minhāj al-Nabawī*.

Dalam mengulas isu Palestin, 'Abd al-Salām Yāsīn sering mengaitkannya dengan pedoman al-Quran dan Sunnah khususnya yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa akhir zaman. Ia adalah sebahagian daripada usahanya untuk mengaplikasikan prinsip-prinsip al-Quran dan Hadith dalam kehidupan seharian berdasarkan penelitian dan pemerhatian beliau sebagai seorang yang mahir dalam bahasa Arab berkebolehan dalam bahasa Perancis dan Inggeris. Walaupun sebahagian daripada pandangan beliau berkenaan maksud al-Quran boleh dipertikai dan dilihat berselisih dengan pandangan golongan yang lebih berautoriti, ia bukanlah satu pandangan yang terpencil dan tidak berasas.

Kajian ini akan mendedahkan ketokohan 'Abd al-Salām Yāsīn, gagasan pemikiran beliau, pendirian beliau terhadap krisis Palestin dan takwilan beliau terhadap sebahagian nas dalam usaha membumikan prinsip al-Quran dan Sunnah dalam kehidupan.

2. Ketokohan 'Abd Al-Salām Yāsīn

'Abd al-Salām Yāsīn adalah sosok penting dan tidak asing lagi dalam gerakan reformasi Islam di bumi Maghribi khususnya dan Arfika Utara amnya. Kemunculan beliau dilihat sebagai kesinambungan gerakan reformis abad ke-20 yang telah dipelopori oleh Jamāl al-Dīn al-Afghānī, Muḥammad 'Abduh, Rashīd Ridhā, Muḥibb al-Dīn al-Khaṭīb dan lain-lain. Gerakan tersebut diteruskan oleh generasi selepas mereka yang diterajui oleh nama-nama besar seperti al-Ḥasan al-Bannā, al-Mawdūdī, Badī' al-Zamān al-Nursī dan al-Kāndihliwī. Mutakhir ini, arus pembaharuan tersebut diteruskan oleh tokoh-tokoh besar seperti Muḥammad al-Ghazālī, Yūsuf al-Qaradāwī, Rashīd al-Ghanūshī, Muḥammad Yāsīn dan juga 'Abd al-Salām Yāsīn.¹

Dalam masa yang sama, beliau adalah pengasas *Jamā'at al-'Adl wa al-Ihsān* (Pertubuhan Keadilan dan Ihsan) yang ditubuhkan pada tahun 1983. Ia adalah sebuah organisasi yang membawa ideologi gerakan Islam (*al-ḥarakat al-Islāmīyah*) dan menjadikan medan pendidikan, dakwah dan politik sebagai wadah utamanya. Selain itu, ia juga dengan sedaya upaya berusaha bertindak sebagai platform alternatif kepada masyarakat setempat dalam memberi

¹ Muḥammad Aḥmad Bāsīdī, *Al-Ma'ālim Al-Kubrā Li Naẓariyat Al-Minhāj Al-Nabawī* (No city, n.d.), <https://yassine.org/wp-content/uploads/2023/05/QuranConference.T1-337-387.pdf>.

kefahaman yang holistik tentang Islam berasaskan *Nazarīyat al-Minhāj al-Nabawī* (NMN) atau Teori Metod Nabawi dengan menjadikan Rasulullah SAW sebagai teladan dalam aspek spritual dan tingkah laku.

3. Gagasan Pemikiran ‘Abd Al-Salām Yāsīn Atau Teori Metod Nabawī

Gagasan pemikiran ‘Abd al-Salām Yāsīn boleh dicerap melalui Teori Metod Nabawī (*Nazarīyat al-Manhaj al-Nabawī*) dan Pertubuhan Keadilan dan Ihsan yang diasaskan beliau. Teori Metod Nabawī atau NMN sebagaimana yang dijelaskan dalam sebilangan karya beliau adalah satu usaha mereformasikan pemikiran Islam semasa (*Islāh al-Fikr al-Islāmī al-Mu‘āṣir*). Ia adalah satu garis panduan bersumberkan al-Quran dan Sunnah yang merangkumi tanggungjawab utama setiap individu, komuniti dan umat Islam dan bagaimana ia dilaksanakan secara sistematik. Ia umpama *Risālāt al-Ta‘līm* yang diperkenalkan oleh al-Ḥasan al-Bannā sebagai panduan bagi anggota *al-Ikhwān al-Muslimūn* di Mesir. Matlamat utamanya adalah untuk merealisasikan keadilan dan *al-iḥsān*. Keadilan yang dimaksudkan adalah yang merangkumi aspek politik, ekonomi dan sosial. Sementara *al-iḥsān* pula bermaksud *murāqabah* dalam ibadah, hubungan baik dengan makhluk dan cermat dalam tindakan. *Murāqabah* dalam ibadah ialah seperti yang digambarkan dalam hadith Jibril AS² iaitu beribadah seolah-olah menyaksikan Tuhan atau disaksikan oleh-Nya. Antara hal-hal yang tersenarai dalam objektif NMN ialah menyedarkan umat tentang kepentingan-kepentingan yang sepatutnya menjadi milik mereka, bagaimana ia diperolehi, membentaras kezaliman dan golongan penindas serta mengembalikan semula ketuanan umat Islam.³

4. Isu Palestin Dan Gagasan Pemikiran ‘Abd Al-Salām Yāsīn

Isu Palestin adalah antara objektif utama gagasan pemikiran ‘Abd al-Salām Yāsīn yang diterjemahkan melalui NMN.⁴ Melalui Jamā‘at al-‘Adl wa al-Iḥsān, satu badan yang berperanan mengurus segala aktiviti dan usaha membantu Palestin telah ditubuhkan yang bernama *Hai‘at al-Nuṣrah* (Biro Kebajikan Palestin). Selain itu, Jamā‘at al-‘Adl wa al-Iḥsān juga sering menganjurkan perhimpunan aman, seminar, karnival dan aktiviti-aktiviti massa bagi tujuan menyokong usaha pembebasan Palestin dan rakyat Palestin.

² Muslim Bin Ḥajjāj, Ṣaḥīḥ Muslim (Beirut: Dār Iḥyā` al-Turāth al-‘Arabī, 1954), 1/28, nombor hadith: 8.

³ Muḥammad Aḥmad Bāsīdī, *Al-Ma‘ālim Al-Kubrā Li Nazarīyat Al-Minhāj Al-Nabawī*.

⁴ Abd al-Ṣamad Faṭḥī, “Al-Qaḍīyat Al-Filasṭīniyah Fī Fikr Al-Imām Al-Mujaddid ‘Abd Al-Salām Yāsīn Rahimhu Allāh,” in *Filasṭīn Fi Fikr Al-Imām ‘Abd Al-Salām Yāsīn*, 6th ed. (No city: Imam Abdessalam Yassine Foundation, 2019), 9–24.

Dalam banyak karya beliau, isu Palestin tidak terlepas daripada menjadi wacana utama. Dalam hal ini, Yayasan al-Imām ‘Abd al-Salām Yāsīn telah menerbitkan sebuah buku yang menghimpunkan sebanyak 14 artikel yang bertemakan Palestin dalam pemikiran ‘Abd al-Salām Yāsīn. Ia berjaya menonjolkan pandangan dan idea beliau berkenaan Palestin dalam buku-buku tulisan beliau dan sesi temu ramah yang dibuat sepanjang hayatnya. Kesemua idea tersebut adalah berpaksikan Teori Metod Nabawi yang diperkenalkan oleh beliau. Dalam perbahasan selanjutnya, penulis akan menjelaskan beberapa idea mengenai Palestin yang menggambarkan gagasan pemikiran beliau.

4.1 Pemilihan Istilah Dari Sumber Primer Islam

‘Abd al-Salām Yāsīn dilihat antara tokoh yang cermat dalam pemilihan istilah. Menurut beliau, istilah akan membuahkan tindakan. Dalam masa yang sama, ia juga adalah terjemahan kepada ideologi dan refleksi matlamat sesuatu budaya. Jika sesuatu istilah yang mempunyai latar belakang tertentu digunakan di luar konteksnya, ia mungkin menyebabkan sesuatu tindakan itu tersasar daripada matlamat asalnya.⁵ Dengan alasan tersebut, beliau telah mengetengahkan beberapa istilah alternatif yang dcedok dari sumber Islam yang tulen iaitu al-Quran dan Sunnah seperti “*qawmah*” bagi menggantikan istilah “*thawrah*” atau revolusi dan “*minhāj*” bagi menggantikan istilah “*manhaj*” atau metodologi. Dalam konteks Palestin, beliau dikatakan sangat menekankan penggunaan istilah “Baitul Maqdis” berbanding “*al-Quds*”. Menurut al-‘Uwaysī,⁶ penggunaan istilah Baitul Maqdis perlu diketengahkan berbanding istilah lain seperti “*al-Quds*” dan “*‘īliyā*” disebabkan hal-hal seperti berikut:

1. Ia bersumberkan hadith.
2. Ia menggambarkan sempadan yang telah ditetapkan oleh agama Islam sama seperti Makkah dan Madinah.
3. Ia memiliki nilai sentimental dalam diri umat Islam.

Penggunaan istilah Baitul Maqdis dilihat ketara dalam tulisan-tulisan ‘Abd al-Salām Yāsīn berbanding istilah-istilah lain yang juga merujuk kepada Palestin. Antara karya beliau yang mengetengahkan istilah tersebut ialah *al-*

⁵ Abd al-Salām Yāsīn, *Rijāl Al-Qawmah Wa Al-Isḫāḥ* (Beirut: Dār Lubnān, 2001), 8.

⁶ Abd al-Fattāḥ al-‘Uwaysī, “Bayt Al-Maqdis Fī Fikr ‘abd Al-Salām Yāsīn,” in *Filastīn Fī Fikr Al-Imām ‘Abd Al-Salām Yāsīn*, 6th ed. (No city: Imam Abdessalam Yassine Foundation, 2019), 41–60.

Iḥsān,⁷ *Imāmat al-Ummah*,⁸ *Sunnatullah*,⁹ *al-Qurān wa al-Nubūwah*¹⁰ dan *al-Islām Ghadan*.¹¹ Sungguhpun tindakan ini kelihatan remeh tetapi ia memberi refleksi yang penting dalam pengamatan terhadap isu Palestin.

4.2 Kedudukan Palestin Di Sisi Umat Islam

Palestin adalah pertembung akidah, politik, ekonomi dan ideologi antara umat Islam dan seteru utamanya iaitu zionis.¹² Bagi gerakan zionis, Palestin atau lebih tepat bukit *ṣahyūn* adalah lokasi kerajaan yang dijanjikan kepada kaum yahudi dan ia adalah permulaan kepada Israel Raya yang meliputi bumi Jordan, Syria, Iraq dan Mesir. Bagi umat Islam pula, kemenangan Islam di Palestin adalah sinonim dengan kembalinya era khilafah berasaskan panduan nabawī.¹³ Dalam hadith yang dilaporkan oleh Muslim daripada Abū Hurayrah RA, pertempuran antara kaum muslimin dan yahudi menjadi salah satu daripada tanda-tanda kiamat. Hadith Abū Hurayrah RA menggambarkan kaum muslimin akan memenangi pertempuran tersebut dan kaum yahudi tidak mampu melindungi diri mereka walaupun di sebalik pokok dan batu.¹⁴

Masjid al-Aqṣā pula adalah kiblat pertama umat Islam dan masjid ketiga selepas Masjidil Haram dan Masjid Nabawi; beribadah di dalamnya berlipat kali ganda berbanding masjid-masjid lain di seluruh dunia. Ia juga pernah menjadi tempat Isrā' Rasulullah SAW ke langit bagi mendapatkan perintah kewajipan solat lima waktu. Masjid al-Aqsa dan bumi sekitarnya yang dinamakan sebagai Baitul Maqdis adalah tempat yang disebut dalam al-Quran sebagai tempat yang diberkati Allah SWT.¹⁵

4.3 Semangat Pembaharuan Dalam Menilai Isu Palestin

Sesetengah pihak membicarakan isu Palestin dari kaca mata perkauman dan sempadan geografi semata-mata. Hasilnya, Palestin hanyalah dilihat sebagai

⁷ Abd al-Salām Yāsīn, *Al-Iḥsān*, 2nd ed. (Beirut: Dār Lubnān li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr, 2018).

⁸ Abd al-Salām Yāsīn, *Imāmat al-Ummah*, 1st ed. (Beirut: Dar Loubnan lil Tibaa Wal Nashr, 2009).

⁹ Abd al-Salām Yāsīn, *Sunnat Allāh*, 2nd ed. (Taṭwān: al-Khalīj al-'Arabī, 2005).

¹⁰ Abd al-Salām Yāsīn, *Al-Qur'ān Wa Al-Nubūwah*, 1st ed. (Beirut: Dar Loubnan lil Tibaa Wal Nashr, 2010).

¹¹ Abd al-Salām Yāsīn, *Al-Islām Ghadan*, 2nd ed. (Istanbul: Dār Iqdām li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr, 2022).

¹² Abd al-Ṣamad Faṭḥī, "Al-Qaḍīyat Al-Filasṭīniyah Fī Fikr Al-Imām Al-Mujaddid 'Abd Al-Salām Yāsīn Rahimhu Allāh.", 9-24.

¹³ Abd al-Salām Yāsīn, *Al-Islām Wa Al-Ḥadāthah*, 3rd ed., vol. 11 (Istanbul: Dār Iqdām li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr, 2023).

¹⁴ Muslim Bin Ḥajjāj, Ṣaḥīḥ Muslim (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1954), 4/2239, nombor hadith: 2922.

¹⁵ Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Al-Quds Qaḍīyat Kull Muslim* (Cairo: Maktabat Wahbah, 1998), 3-6.

konflik antara dua bangsa iaitu arab dan yahudi atau isu masyarakat timur tengah yang juga disebut asia barat. Walhal, ia adalah isu umat Islam dan tanah air umat Islam. Menurut ‘Abd al-Salām Yāsīn, umat Islam pasti akan sentiasa optimis dengan masa depan gemilang Palestin jika isu tersebut dilihat dari perspektif al-Quran dan Sunnah serta dinilai berdasarkan pemahaman yang betul terhadap sejarah umat yang berpaksikan *Sunnah kawnīyah*.¹⁶

Menurut al-Qaraḍāwī, sebab sebenar pertembungan antara umat Islam dan yahudi di Palestin adalah mereka merampas tanah milik umat Islam iaitu Palestin. Ia bukan disebabkan perbezaan etnik atau agama kerana masyarakat arab dan yahudi kedua-duanya daripada leluhur yang sama iaitu Sām dan agama yahudi lebih hampir dengan agama Islam berbanding kristian. Walau bagaimanapun, ia tidak bermakna pertembungan tersebut tiada dorong agama. Sebaliknya, semua pertempuran yang untuk mempertahankan hak, membenteras kezaliman dan menegakkan keadilan adalah pertempuran yang suci menurut Islam.¹⁷

Adalah penting menilai krisis Palestin sebagai isu kemanusiaan sejagat. Perampasan tanah, pengeboman penempatan awam, pusat kesihatan dan pendidikan dan sekatan bantuan kemanusiaan adalah bentuk pelanggaran hak asasi manusia yang sangat jelas. Menurut ‘Abd al-Salām Yāsīn, umat Islam perlu mengangkat panji hak asasi manusia dan mengepalai misi-misi bantuan kemanusiaan. Mereka perlu bekerjasama dengan badan-badan kemanusiaan antarabangsa meskipun berlainan agama dan tidak seharusnya memandang serong dan sangsi terhadap usaha dan bantuan yang disalurkan.¹⁸

4.4 Punca Krisis Palestin

Menurut ‘Abd al-Salām Yāsīn, krisis Palestin berpunca daripada tiga faktor berikut:

1. Sokongan antarabangsa:

Sebelum British yang pernah menjajah Palestin melepaskan wilayah tersebut, ia telah menyerahkannya kepada zionis kononnya sebagai menebus kesalahannya terhadap penindasan eropah ke atas bangsa yahudi. Rakyat Palestin yang sepatutnya merdeka daripada cengkaman penjajah eropah terpaksa berdepan dengan golongan pelampau yahudi yang mahu

¹⁶ Abd al-Salām Yāsīn, *Sunnat Allāh*. 65-67.

¹⁷ Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Al-Quds Qaḍīyat Kull Muslim*, 15-18.

¹⁸ Abd al-Salām Yāsīn, *Sunnat Allāh*, 317.

menubuhkan negara meraka di atas tanah Palestin dengan dokongan negara-negara eropah.¹⁹ Amerika Syarikat pula telah menyokong penubuhan Israel sejak dari awal lagi berdasarkan tiga faktor iaitu: persamaan kepercayaan antara yahudi dan kiristian protestant yang dianuti oleh majoriti rakyatnya, kekayaan rantau arab dengan sumber petroleum dan kuasa lobi yahudi yang kuat di sebalik pentadbiran Amerika.²⁰

2. Pengkhianatan pemimpin dan masyarakat arab:

Semangat juang yang menipis dan gaya hidup berfoya-foya dalam kalangan pemimpin arab menyebabkan kekalahan dalam perang antara arab dan Israel pada tahun 1967²¹. Ia diparahkan lagi dengan sikap masyarakat arab bukan Muslim yang memihak kepada Israel atas dasar mereka semua adalah ahli kitab.²²

Menurut ‘Abd al-Salām Yāsīn, krisis kepemimpinan di negara arab berlaku apabila golongan tamam dua muka atau munafik menyelinap ke dalam tampok pemerintahan dan hal tersebut dibiarkan oleh rakyat tanpa sebarang tindakan. Oleh itu, sebagai langkah pemulihan, sistem pemerintahan umat haruslah berlandaskan *syūrā* dan tidak diberi ruang sama sekali kepada golongan munafik ini untuk memegang tampok pemerintahan. Jika dibiarkan, mereka pasti akan bersekongkol dengan musuh Islam.²³

3. Perancangan rapi kaum yahudi:

Usaha penubuhan negara haram Israel telah bermula sejak tahun 1897 lagi dengan penubuhan Zionism, satu gerakan kebangsaan berasaskan etnik yahudi yang diasaskan oleh Theodor Harzl. Kemudian gerakan tersebut mula mendapat tempat dalam lanskap politik dan ekonomi Eropah sehingga berjaya berunding dengan pemimpin-pemimpin negara eropah bagi memperolehi wilayah atonemi bagi bangsa yahudi di Palestin.²⁴

4.5 Kemelut Dalaman Merencatkan Usaha Pembebasan Palestin

¹⁹ Abd al-Salām Yāsīn, *Tanwīr Al-Mu’mināt*, 4th ed. (Labenon: Dar Loubnan lil Tibaa Wal Nashr, 2018), 2/77.

²⁰ Abd al-Salām Yāsīn, *Al-Islām Wa Al-Ḥadāthah*, 92-93.

²¹ Abd al-Raḥīm khuṭūf, “Qaḍīyat Filasṭīniyah Wa Ṣinā’at Al-Wa’Y,” in *Filasṭīn Fī Fikr Al-Imām ‘Abd Al-Salām Yāsīn*, 6th ed. (No city: Imam Abdessalam Yassine Foundation, 2019), 119–28.

²² Abd al-Salām Yāsīn, *Al-Islām Wa Al-Qawmīyah Al-‘Ilmānīyah*, 2nd ed. (Istanbul: Dār Iqdām li al-Ṭibā’ah wa al-Nashr, 2023), 144-148.

²³ Jamā’ī, “Al-Ṣābirūn Fī Ghazzah, Ḥiwār Ma’ Al-Imām Al-Murshid ‘Abd Al-Salām Yāsīn Raḥimahū Allāh,” in *Filasṭīn Fī Fikr Al-Imām ‘Abd Al-Salām Yāsīn*, 6th ed. (No city: Imam Abdessalam Yassine Foundation, 2019), 177–79.

²⁴ Abd al-Salām Yāsīn, *Sunnat Allāh*, 107.

Selain faktor-faktor di atas, kemelut dalaman yang melanda diri umat Islam menjadi batu penghalang kepada usaha pembebasan semula Palesti daripada tangan Zionism. Dalam hal ini, ‘Abd al-Salām telah membuat perbandingan antara situasi umat Islam pada zaman Ṣalāḥ al-Dīn al-Ayyūbī yang disebut sebagai tokoh yang berjaya membebaskan Palestin daripada cengkaman tentera salib suatu ketika dahulu dan situasi umat Islam pada hari ini bagi tujuan mengenal pasti masalah sebenar di sebalik ketidakmampuan mereka membebaskan Palestin daripada cengkaman Zionism yang bersekongkol dengan pakatan salib moden. Menurut beliau, perpecahan umat Islam pada zaman Ṣalāḥ al-Dīn walaupun wujud, hanyalah antara mazhab dalam Islam yang kesemuanya adalah alternatif melaksanakan Islam yang sebenar. Sementara perpecahan umat Islam hari ini adalah didorong oleh ideologi-ideologi yang memisahkan Islam daripada penganutnya. Logiknya, adalah tidak sukar bagi Ṣalāḥ al-Dīn menyatukan umat selama mana kesemua mereka masih lagi bernaung di bawah panji Islam. Namun, menyatukan umat yang memiliki ideologi yang berbeza dan menyisihkan pendokongnya daripada ajaran Islam yang tulen seperti hari ini adalah satu tugas yang sukar.

Satu ketika dahulu, fahaman eteism (*ilhād*) adalah minoriti dalam masyarakat Islam. Namun, ia telah diarus perdanakan oleh tokoh-tokoh masyarakat dalam sebahagian negara umat Islam hari ini sehingga berjaya diserap sebagai silibus pengajian di sebahagian institusi pengajian. Tambahan pula, sebahagian pendokong fahaman tersebut dan ideologi-ideologi sealiran dengannya adalah dari kalangan bangsa arab yang beragama kristian dan memiliki pengaruh yang tersendiri dalam sebahagian negara Islam. Kesetiaan golongan ini kepada bangsa penjajah yang memiliki persamaan akidah meluaskan lagi skala perpecahan dalam kalangan umat Islam.

Cabaran-cabaran semasa ini tidak boleh dihadapi melainkan dengan pemulihan dari akar umbi umat; bermula dengan dengan pembentukan individu muslim yang hanya menjadikan Allah SWT sebagai matlamat hidupnya, disusuli dengan pemulihan pada aspek-aspek lain seperti sosial, ekonomi dan politik.²⁵

4.6 Syarat Pembebasan Palestin

Menurut ‘Abd al-Salām Yāsīn,²⁶ pembebasan Palestin daripada cengkaman Zionis memerlukan lima syarat utama iaitu:

1. Asas iman yang utuh.
2. Asas politik yang stabil.

²⁵ Abd al-Salām Yāsīn, *Al-Islām Wa Al-Qawmīyah Al-‘Ilmānīyah*, 2nd ed. (Istanbul: Dār Iqdām li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr, 2023), 123-132.

²⁶ Abd al-Salām Yāsīn, *Al-Islām Wa Al-Ḥadāthah*. 98

3. Asas sosial yang kuat.
4. Daya juang yang tinggi.
5. Menguasai semua bidang pengetahuan dan teknologi.

Syarat-syarat tersebut adalah berdasarkan penelitian beliau terhadap maksud ayat ke-5 surah al-Isrā' dan ayat ke-11 surah al-Ra'd. Menurut beliau, ayat ke-5 surah al-Isrā' membicarakan secara langsung berkenaan dua ciri-ciri golongan yang berjaya membendung kerosakan Banī Isrā'īl iaitu beriman dan memiliki keupayaan. Persiapan membebaskan Palestin bukan hanya tertumpu kepada latihan dan operasi ketenteraan semata-mata, tetapi haruslah ke arah membina negara al-Quran yang berlandaskan kecemerlangan dalam segenap bidang kehidupan, yang menguasai segala teknologi modern. Ia diungkapkan sebagai *al-I'dād al-Muta'annī* (persiapan secara cermat dan tidak gopoh).

4.7 Isu Palestin Dari Perspektif *Sunnatullah* (Hukum Alam)

Sunnatullah ialah peraturan-peraturan yang bersifat umum dan tetap bagaimana Allah SWT mengurus manusia berdasarkan tindakan dan pendirian mereka terhadap ajaran-Nya dan akibat yang menyusul tindakan tersebut sama ada di dunia atau akhirat. Ia juga sering disebut hukum alam atau lumrah alam. Paksi utama bagi *sunnatullah* ialah *Qānūn al-Sababīyah* atau disebut hukum sebab dan akibat. Satu-satunya sumber primer bagi mengetahui peraturan tersebut adalah al-Quran dan Sunnah.²⁷ Catatan sejarah manusia, kebangkitan dan kejatuhan sesebuah tamadun adalah contoh nyata bagi peraturan-peraturan alam yang dinyatakan dalam al-Quran. Salah satu daripada *sunnatullah* ialah *Qānūn al-Tadāfu'* iaitu peraturan alam berkaitan pertembungan antara kebenaran dan kebatilan. Situasi di bumi Palestin pada masa lalu, kini dan akan datang adalah contoh nyata bagi *Qānūn al-Tadāfu'*. Ia adalah gambaran pertembungan antara kebenaran dan kebatilan atau antara Islam dan jahiliyah. Pertempuran di Palestin, Lubnan dan sebelumnya di Afghanistan adalah sebahagian daripada peta besar *sunnatullah* geografi janji Allah.²⁸

Dalam pertembungan antara kebenaran dan kebatilan, kemenangan akan berpihak kepada yang benar meskipun ia lambat dikecapi atau mungkin diawali dengan kekalahan demi kekalahan. Ayat-ayat yang memaparkan kisah para nabi terdahulu dan sirah Nabi SAW mengesahkan hukum ini.²⁹

²⁷ Abd al-karīm Zaydān, *Al-Sunan Al-Ilāhīyah Fī Al-Umam Wa Al-Jamā'āt Wa Al-Afrād Fī Al-Sharī'at Al-Islāmīyah*, 1st ed. (Beirut: Mu'assasat al-Risālah, 1993), 15.

²⁸ Abd al-Salām Yāsīn, *Sunnat Allāh*, 2nd ed. (Taṭwān: al-Khalīj al-'Arabī, 2005), 156.

²⁹ Ahmed Abedalqader Hasan Qatanany, "The Depiction of the Followers of Tyrants in the Qur'anic Narratives: The Soldiers of Pharaoh as a Case Study," *Journal of Ma'ālim Al-Qur'ān*

Menurut ‘Abd al-Karīm Zaydān,³⁰ kemenangan hanya akan diperolehi apabila pihak yang benar memenuhi kriteria-kriteria berikut:

1. Beriman.
2. Bertakwa.
3. Memenangkan Islam.
4. Berjihad dan membina kekuatan.
5. Bersabar, teguh pendirian dan bersiap siaga sepanjang masa.
6. Mengingati Allah SWT.
7. Berwaspada.

Selain itu, terdapat dua faktor yang membantutkan kemenangan iaitu:

1. Persengketaan dalaman.
2. Terpedaya dengan kekuatan sendiri dan menunjuk-nunjukkan kehebatan.

Di atas dasar kepercayaan bahawa kemenangan akan berpihak kepada golongan yang benar, ‘Abd al-Salām Yāsīn menegaskan krisis Palestin pasti berkesudahan dengan kemenangan di pihak umat Islam. Walau bagaimanapun, mereka harus terlebih dahulu memenuhi syarat-syarat kemenangan sebagaimana yang dijelaskan dalam al-Quran dan hadith.³¹

Menurut ‘Abd al-Salām Yāsīn, penubuhan negara haram Israel adalah hasil perancangan yang rapi, gerakan yang tersusun dan konsisten selain didorong oleh kepercayaan ajaran Taurat. Hal tersebut menguatkan lagi kepercayaan muslim bahawa kebangkitan dan kejatuhan sesebuah tamadun adalah berpaksikan *sunnatullah* (hukum alam yang ditentukan oleh Allah SWT).³² Pertikaian terhadap kepetingan menyebabkan golongan yang berkuasa sentiasa mencipta tipu daya dan melakukan perancangan bagi menekan golongan yang lemah. Walau bagaimanapun, akibat buruk tipu daya tersebut akan kembali kepada golongan penindas sesuai dengan *sunnatullah* jika golongan yang tertindas memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan Allah SWT iaitu beriman dan melakukan perubahan dari dalam diri mereka sendiri.³³

Wa Al-Sunnah 21, no. 1 (2025): 25–40,
<https://doi.org/https://doi.org/10.33102/jmqqs.v21i1.515>.

³⁰ ‘Abd al-Karīm Zaydān, *Al-Sunan Al-Ilāhīyah Fī Al-Umam Wa Al-Jamā‘āt Wa Al-Afrād Fī Al-Sharī‘at Al-Islāmīyah*, 1st ed. (Beirūt: Mu’assasat al-Risālah, 1993), 54–78.

³¹ Abd al-Salām Yāsīn, *Sunnat Allāh*, 2nd ed. (Taṭwān: al-Khalīj al-‘Arabī, 2005), 149, 327.

³² Majdī Muḥammad Quwaydir, “Al-Manzūr Al-Sunanī Li Al-Qaḍīyat Al-Filasṭīnīyah ‘Ind Al-Imām ‘Abd Al-Salām Yāsīn,” in *Filasṭīn Fi Fikr Al-Imām ‘Abd Al-Salām Yāsīn*, 6th ed. (No city: Imam Abdessalam Yassine Foundation, 2019), 76.

³³ Abd al-Salām Yāsīn, *Sunnat Allāh*, 2nd ed. (Taṭwān: al-Khalīj al-‘Arabī, 2005), 235.

Tujuan Al-Quran menjelaskan secara terperinci watak dan perangai kaum yahudi agar umat Islam bijak dalam berurusan dengan mereka. Mengenali hati budi musuh adalah permulaan kemenangan ke atasnya. Pandangan beliau ini dilihat senada dengan pandangan beberapa tokoh Islam yang lain. sebagai contoh, menurut Yūsuf al-Qaradāwī, umat Islam tidak benar-benar mengamati titik kekuatan dan kelemahan yahudi yang menyebabkan mereka tidak mampu menghadapi golongan penindas tersebut dengan sebaiknya. Sedangkan umat Islam memiliki sumber yang memadai untuk menganalisis sikap kaum yahudi daripada al-Quran, kitab suci kaum yahudi (Taurat dan Talmud), catatan sejarah, tulisan tokoh-tokoh semasa termasuk dalam kalangan yahudi sendiri dan realiti semasa.³⁴

4.8 Takwilan Yang Memerlukan Penelitian

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa takwilan ‘Abd al-Salām Yāsīn yang memerlukan penilaian semula seperti pandangan beliau terhadap ayat ke-7 surah al-Isrā’. Menurut ‘Abd al-Salām Yāsīn, ayat ke-6 dan 7 surah al-Isrā’ adalah merujuk kepada situasi yahudi hari ini yang memiliki jaringan ekonomi kuasa pelobi terbesar di dunia. Bukan sekadar itu sahaja, mereka juga secara sistematik dan halus telah menjajah negara kuasa besar dunia hari ini iaitu Amerika Syarikat. Sementara hadith yang direkodkan oleh Imam Muslim daripada Abū Hurayrah RA mengenai kemenangan kaum muslimin ke atas yahudi pada akhir zaman kelak adalah tafsiran kepada ayat ke-7 surah al-Isrā’. Ia menggambarkan pengakhiran kekuasaan yahudi di tengah-tengah lembah suci mereka sendiri iaitu Baitul Maqdis.

Pandangan yang hampir sama pernah disandarkan beberapa sarjana kontemporari. ‘Abd al-Salām Yāsīn. Al-Sha’rawī dan ‘Abd al-Mu’izz ‘Abd al-Sattār berpandangan, kemusnahan pertama yang dimaksudkan dalam ayat ke-4 surah al-Isrā’ ialah pengkhianatan Bani Qaynuqā’, Bani al-Nadhīr, Bani Qurayẓah dan yahudi kota Khaybar. Sementara hamba Allah yang dimaksudkan dalam ayat ke-5 surah yang sama adalah Nabi SAW dan para sahabat yang berjaya mengalahkan dan menghalau mereka keluar daripada kota Madinah. Kemusnahan kedua yang dimaksudkan dalam ayat ke-7 pula ialah apa yang dilakukan oleh kaum yahudi dan zionis pada hari ini. Sementara golongan yang akan mengalahkan mereka adalah kaum muslimin pada akhir zaman kelak.³⁵

Pandangan di atas bertentangan dengan pandangan seluruh ahli tafsir terdahulu. Kenyataan mereka semuanya menunjukkan kedua-kedua

³⁴ Yūsuf al-Qaradāwī, *Al-Quds Qaḍīyat Kull Muslim*. 35-41

³⁵ Muḥammad Sayyid Ṭanṭāwī, *Banū Isrā’īl Fī Al-Qur’ān Wa Al-Sunnah*, 2nd ed. (Cairo: Dār al-Shurūq, 2000) 673-678.

kerosakan yang dilakukan oleh Bani Isrā'īl telah berlaku sebelum kedatangan Islam lagi tetapi wujud perselisihan dalam menentukan peristiwa yang dimaksudkan oleh al-Quran secara tepat. Menurut Muḥammad Sayyid Ṭanṭāwī, ia merujuk kepada kerosakan yang dilakukan oleh Banī Isrā'īl sebelum mereka dikalahkan oleh Jālūt dan sebelum mereka dikalahkan buat kali yang kedua oleh Titus, pangliman tentera Rom.³⁶ Sebagai menolak andaian yang dipegang oleh 'Abd al-Mu'izz 'Abd al-Sattār dan yang sependapat dengannya, al-Qaraḍāwī telah menyenaraikan beberap hujah seperti berikut:

1. *Al-Kitāb* yang dinyatakan dalam ayat ke-4 surah al-Isrā' adalah merujuk kepada Tawrah yang menjelaskan kedua-dua peristiwa tersebut telahpun berlaku.
2. Yahudi yang mendiami Madinah pada zaman Nabi SAW hanyalah sebahagian kecil sahaja daripada populasi yahudi yang bertebaran di seluruh dunia selepas pembantaian tentera Rom ke atas kerajaan mereka.
3. Rasulullah SAW dan para sahabat tidak pernah menjarah bumi kaum yahudi sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat ke-5 surah al-Isrā'. Mereka hanya mengembalikan tanah air bangsa arab iaitu Madinah yang diambil oleh kaum yahudi.
4. Perkataan (عبادا لنا) yang membawa maksud hamba-hamba kami tidak semestinya terhad kepada golongan yang baik. Ia juga bermaksud golongan yang jahat dan tidak baik seperti yang dinyatakan dalam ayat ke-17 surah al-Furqān dan ayat ke-53 surah al-Zumar.
5. Ayat ke-6 surah al-Isrā' bertujuan memperihalkan nikmat dan rahmat Allah SWT yang dilimpahkan kepada Bani Isrā'īl. Ia tidak mungkin berlaku dengan membenarkan mereka menindas kaum muslimin pada hari ini.
6. Allah SWT mengembalikan kekuasaan kepada Bani Isrā'īl disebabkan mereka kembali taat kepada perintah Allah SWT dan berbuat kebaikan.
7. Golongan yang dinyatakan dalam ayat ke-7 surah al-Isrā' dilihat tidak sepadan sifatnya dengan kaum muslimin disebabkan kaum muslimin sejak zaman para sahabat RA tidak pernah memasuki rumah ibadat kaum yahudi secara kekerasan sebagaimana yang digambarkan dalam ayat tersebut. Ia dilihat sepadan dengan cara tentera Babilon dan Rom semasa menjarah kota Palestin.
8. Seluruh ahli tafsir terdahulu sepakat mengatakan, kedua-dua peristiwa yang dinyatakan dalam ayat ke-4 hingga 7 surah al-Isrā' telah pun berlaku. Ia memberi impak yang sangat besar kepada nasib Bani Isrā'īl selepas itu. Jika dua peristiwa besar tersebut tidak diambil kira dalam penafsiran ayat yang berkaitan, seolah-olah al-Quran tidak

³⁶ Muḥammad Sayyid Ṭanṭāwī.

mengendahkan hal-hal yang penting dalam lipatan sejarah yang memberi kesan yang signifikan terhadap perkembangan agama dan sosial dan hal tersebut amatlah tidak bertepatan dengan prinsip al-Quran.³⁷

5. Kesimpulan

Isu Palestin menjadi perhatian utama golongan reformis Islam sejak zaman berzaman dan antara mereka ialah ‘Abd al-Salām Yāsīn. Beliau telah merangka satu gagasan pemikiran yang disebut sebagai Nazarīyat al-Minhāj al-Nabawī (Teori Metod Nabawi). Ia adalah satu panduan berpandukan al-Quran dan Sunnah bagi mereformasikan pemikiran Islam semasa. Antara matlamat utamanya ialah menyedarkan umat Islam tentang hak-hak mereka, bagaimana ia diperolehi, membentaras ketidakadilan dan mengangkat martabat umat Islam di persada dunia. Pembebasan Palestin dan pembelaan rakyat adalah satu daripada fokus utama beliau. Hal ini dapat dilihat melalui sebilangan karya beliau seperti *Sunnatullah, al-Islām wa al-Ḥadāthah, al-Islam wa al-Qawmīyah al-‘ilmānīyah, Rijāl al-Qawmah wa al-Iṣlāḥ* dan *al-Minhāj al-Nabawīyah Tarbiyatan wa Tanzīman wa Zaḥfan*. Isu-isu seperti pendirian umat terhadap kemelut Palestin, punca kemelut, krisis Palestin dari perspektif sunnatullah dan syarat pembebasan Palestin adalah topik yang diulas oleh beliau dengan berpedomankan al-Quran dan hadith Nabi SAW. Kemahiran beliau dalam bahasa Arab, pengetahuan yang memadai terhadap sumber-sumber ilmu Islam selain penguasaan dalam bahasa asing membolehkan beliau melihat isu Palestin dari perspektif yang pelbagai. Dalam masa yang sama ia membuktikan wujud kesinambungan gagasan pemikiran antara beliau dan tokoh-tokoh reformis dan aktivis Islam sepanjang zaman.

³⁷ Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Al-Quds Qaḍīyat Kull Muslim*, 18-20.

Bibliography

- ‘Abd al-Karīm Zaydān. *Al-Sunan Al-Ilāhīyah Fī Al-Umam Wa Al-Jamā‘āt Wa Al-Afrād Fī Al-Sharī‘at Al-Islāmīyah*. 1st ed. Beirut: Mu’assasat al-Risālah, 1993.
- Abd al-Fattāḥ al-‘Uwaysī. “Bayt Al-Maqdis Fī Fikr ‘abd Al-Salām Yāsīn.” In *Filastīn Fī Fikr Al-Imām ‘Abd Al-Salām Yāsīn*, 6th ed., 41–60. No city: Imam Abdessalam Yassine Foundation, 2019.
- Abd al-karīm Zaydān. *Al-Sunan Al-Ilāhīyah Fī Al-Umam Wa Al-Jamā‘āt Wa Al-Afrād Fī Al-Sharī‘at Al-Islāmīyah*. 1st ed. Beirut: Mu’assasat al-Risālah, 1993.
- Abd al-Raḥīm khuṭūf. “Qaḍīyat Filastīnīyah Wa Şinā‘at Al-Wa‘Y.” In *Filastīn Fī Fikr Al-Imām ‘Abd Al-Salām Yāsīn*, 6th ed., 119–28. No city: Imam Abdessalam Yassine Foundation, 2019.
- Abd al-Salām Yāsīn. *Al-Iḥsān*. 2nd ed. Beirut: Dār Lubnān li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr, 2018.
- . *Al-Islām Ghadan*. 2nd ed. Istanbul: Dār Iqdām li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr, 2022.
- . *Al-Islām Wa Al-Ḥadāthah*. 3rd ed. Vol. 11. Istanbul: Dār Iqdām li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr, 2023.
- . *Al-Islām Wa Al-Qawmīyah Al-‘Ilmānīyah*. 2nd ed. Istanbul: Dār Iqdām li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr, 2023.
- . *Al-Qur’ān Wa Al-Nubūwah*. 1st ed. Beirut: Dar Loubnan lil Tibaa Wal Nashr, 2010.
- . *Imāmat Al-Ummah*. 1st ed. Beirut: Dar Loubnan lil Tibaa Wal Nashr, 2009.
- . *Rijāl Al-Qawmah Wa Al-Iṣlāḥ*. Beirut: Dār Lubnān, 2001.
- . *Sunnat Allāh*. 2nd ed. Taṭwān: al-Khalīj al-‘Arabī, 2005.
- . *Tanwīr Al-Mu‘mināt*. 4th ed. Labenon: Dar Loubnan lil Tibaa Wal Nashr, 2018.
- Abd al-Şamad Faṭḥī. “Al-Qaḍīyat Al-Filastīnīyah Fī Fikr Al-Imām Al-Mujaddid ‘Abd Al-Salām Yāsīn Raḥimhu Allāh.” In *Filastīn Fī Fikr Al-Imām ‘Abd Al-Salām Yāsīn*, 6th ed., 9–24. No city: Imam Abdessalam Yassine Foundation, 2019.
- Ḥajjāj, Muslim Bin. *Şaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār Iḥyā` al-Turāth al-‘Arabī, 1954.
- Jamā‘ī. “Al-Şābirūn Fī Ghazzah, Ḥiwār Ma‘ Al-Imām Al-Murshid ‘Abd Al-Salām Yāsīn Raḥimahu Allāh.” In *Filastīn Fī Fikr Al-Imām ‘Abd Al-Salām Yāsīn*, 6th ed., 177–79. No city: Imam Abdessalam Yassine Foundation, 2019.
- Majdī Muḥammad Quwaydir. “Al-Manẓūr Al-Sunanī Li Al-Qaḍīyat Al-Filastīnīyah ‘Ind Al-Imām ‘Abd Al-Salām Yāsīn.” In *Filastīn Fī Fikr Al-Imām ‘Abd Al-Salām Yāsīn*, 6th ed., 76. No city: Imam Abdessalam Yassine Foundation, 2019.

- Muḥammad Aḥmad Bāsīdī. *Al-Ma‘ālim Al-Kubrā Li Naẓarīyat Al-Minhāj Al-Nabawī*. No city, n.d. <https://yassine.org/wp-content/uploads/2023/05/QuranConference.T1-337-387.pdf>.
- Muḥammad Sayyid Ṭanṭāwī. *Banū Isrā’īl Fī Al-Qur’ān Wa Al-Sunnah*. 2nd ed. Cairo: Dār al-Shurūq, 2000.
- Qatanany, Ahmed Abedalqader Hasan. “The Depiction of the Followers of Tyrants in the Qur’anic Narratives: The Soldiers of Pharaoh as a Case Study.” *Journal of Ma‘ālim Al-Qur’ān Wa Al-Sunnah* 21, no. 1 (2025): 25–40. <https://doi.org/https://doi.org/10.33102/jmq.v21i1.515>.
- Yūsuf al-Qaraḍāwī. *Al-Quds Qaḍīyat Kull Muslim*. Cairo: Maktabat Wahbah, 1998.